

10 MAR 1996

Mahathir-hak

MALAYSIA TETAP JAGA HAK ASASINYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan tetap menjaga hak asasinya sendiri termasuk tidak membenarkan kumpulan kecil atau orang perseorangan menimbulkan angkara sehingga golongan majoriti tidak dapat hidup sempurna.

"Kita tidak peduli apa orang lain kata mengenai cara kita menjaga hak asasi kita sendiri. Bagi kita menjaga kepentingan majoriti juga adalah menjaga hak asasi manusia di negara ini," katanya kepada pemberita selepas melepaskan Larian Hijau '96 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan kerajaan Amerika Syarikat yang masih meletakkan Malaysia dalam senarai negara-negara yang mencabuli hak asasi manusia termasuk layanan buruk terhadap pendatang tanpa izin.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak boleh membenarkan mana-mana pihak mengapi-apikan perasaan rakyat sehingga timbul masalah yang boleh mengakibatkan rusuhan dan menyebabkan penderitaan rakyat.

"Kita tidak boleh membenarkan keadaan seumpama itu kerana hak asasi termasuk melindungi hak rakyat daripada orang yang keterlaluan serta ekstremis hingga tidak mempedulikan kepentingan pihak lain," katanya.

Dr Mahathir berkata kumpulan itu merasakan tunjuk perasaan dan demonstrasi adalah baik hingga orang ramai tidak dapat hidup sempurna...pekerja tidak boleh kerja dan peniaga tidak boleh berniaga dengan aman.

Apabila ditanya adakah patut Malaysia meminta Amerika Syarikat mengeluarkan Malaysia daripada senarai negara-negara yang mencabuli hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata: "Tidak payah...kita tidak perlu mempedulikan apa orang lain kata terhadap kita...yang penting kita jaga hak asasi kita sendiri."

"Malaysia tidak seperti Amerika Syarikat yang menganggap semata-mata dia kuasa besar mudah menghukum orang lain sedangkan mereka sendiri sepatutnya menengok keadaan diri sendiri yang sebenarnya mencabuli hak asasi orang lain.

"Mereka selalu pecahkan hak asasi negara lain, pergi ke negara orang lain, tangkap orang dan membawa balik dan menghukum orang lain mengikut undang-undang negaranya sendiri.

"Saya sendiri takut mereka mungkin datang ke negara ini, menangkap saya untuk dibawa balik ke sana untuk dibicara dan dimasukkan ke dalam penjara," katanya.

"Kadang-kadang polis mereka mendera orang kulit hitam dan hispanic. Mereka tidak menjaga keadilan negara lain seolah-olah mereka sahaja yang bebas daripada pencabulan hak asasi," katanya.

Beliau berkata Amerika Syarikat yang dahulunya menyeksa orang kulit hitam yang menjadi hamba abdi dan walaupun golongan itu tidak ramai tetapi merekalah yang ramai sekali dipenjarakan malah menjadi golongan termiskin dalam negara mereka sendiri.

"Adakah ini satu keadilan. Ini menunjukkan tidak ada keadilan rakyat malah ia mencabul hak asasi mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata Amerika Syarikatlah negara yang tidak mempunyai hak asasi manusia kerana hak asasi termasuk kehidupan manusia...yang cukup makan dan minum serta bebas daripada kemiskinan, penderitaan dan sebagainya. -- BERNAMA

ARA AKD